


PENGABDIAN

Hajah Nor



Diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Lapangan Terbang Lama
Berakas BB3510
Negara Brunei Darussalam

© Hajah Norsiah Haji Abd Gapar 1987, 2001, 2001, 2002,
2006, 2007, 2010, 2010

Cetakan Pertama 1987
Cetakan Kelapan 2010

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam.

Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei
Pengkatalogan Data-dalam-Penerbitan:

NORSIAH ABD GAPAR, 1952-

Pengabdian. Hajah Norsiah binti Haji Abd Gapar -- Bandar Seri Begawan:
Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 2010.

175 p.

ISBN 99917-0-201-6

1. Malay fiction—Brunei Darussalam. 2. Malay fiction. I. Title.
899.283

Reka Bentuk Hiasan Kulit
Ali Haji Abd Rahim

Tim Penerbitan

Hajah Badariah Haji Mohd. Ja'afar, Hajah Fatimah Ibrahim, dan Hajah

Norfulziah Haji Ismail

Hajah Ramlah Haji Abd. Rahman

Rupa Taip teks Times, 11/13 poin

Atur Huruf oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam

Dicetak oleh Pencetak dan Perdagangan Borneo Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

MEREKA BARU mahu membelok ke kanan dari Jalan Mulaut. Keadaan jalan raya agak sibuk juga. Mungkin orang baru hendak turun bekerja, fikir Marof.

Fatimah yang sedari tadi membatu sahaja, mula bersuara. Nadanya ketara berbaur ketidakpuasan hati. "Itulah awak, kalau untuk orang lain, menyanggup saja. Kalau untuk anak bini, bukan main tabiat. Awak tu lebih pentingkan keperluan orang dari keluarga awak sendiri."

"Sudahlah, Mah. Sampai bila lagi awak nak merajuk ni. Orang minta tolong ni bukannya selalu. Manalah tau satu hari nanti kita pula perlukan pertolongan orang." Marof bersuara lembut memujuk isterinya.

"Bukan saya ni tak suka menolong tapi lihat dululah keadaannya. Kampong Limau Manis tu bukannya dekat. Awak tahu saya ni nak cepat ke bandar. Ni, dah pukul satu setengah. Saya janji dengan Siti tadi saya sampai di tempatnya pukul dua belas," suara Fatimah berbaur kesal.

"Kenapalah tak telefon Siti tadi, beritahu kita terlambat sedikit."

"Macam mana saya nak telefon, awak beritahu fasal nak menghantar barang Haji Salam tu sesudah kita dalam perjalanan." Fatimah mengingatkan.

"Ya tak ya juga." Marof menyedari kesalahannya.

"Huh, orang-orang ni satu juga, bukan pandai nak menimbangkan sendiri sama ada pertolongan yang diminta tu menyusahkan orangkah tidak." Fatimah mencemuh sendirian.

Marof memandu dalam diam. Dibiarkannya saja isterinya itu berleter melayan kemarahan hatinya. Marof memberi isyarat ke kiri lalu memasuki Jalan Gadong.

“Saya kira nak berunding dengan Siti waktu tengah hari tadi. Sekurang-kurangnya sekarang ni kita sudah dalam perjalanan pulang ke Seria. Ini, dah tergendala. Awak pula nak jadi hakim perlawanan tenis. Ada-ada saja!” rungut Fatimah lagi.

“Hal ni datang mendadak, Mah. *Umpire* yang telah ditetapkan tak dapat hadir dan saya hanya menggantikannya.”

“Itulah saya sudah kata tadi, kalau untuk orang lain awak menyanggup saja.”

“Awak nak berunding tergesa-gesa ni mengapa? Kalau awak bermalam di rumah Siti tu kan baik? Kan awak punya banyak masa untuk berunding. Lagipun, senang juga hati Siti dibuatnya.”

“Saya bukan segan tidur tempat Siti tu, cuma yang saya fikirkan awak, bapa awak dan Hannah tu. Kalau tak ada saya di rumah tu, biskita macam anak ayam kehilangan indung.”

“Kalau hanya semalam, pandailah kami tu mah.”

“Baguslah kalau begitu. Tapi... fasal Zul ni awak tak hendak berunding sama?”

“Awak orang tua Zul juga. Awak seorang saja yang merundingkannya dah cukup. Kalaupun saya, saya hantar saja duit dan suruh Zul tu balik.”

“Bercakap saja memang mudah. Awak fikir senang nak dapat duit tambang sebanyak dua ribu ringgit tu? Gaji awak yang cuma lima ratus sebulan tu untuk belanja hari-hari pun tak cukup!”

“Itulah yang awak patut rundingkan dengan Siti, bagaimana nak dapatkan duit dua ribu ringgit itu.”

“Oh, kalau fasal duit tu sayalah yang berunding saja, awak lepas tangan. Betul-betul bertanggungjawablah awak ni.”

Marof selamba saja mendengar sindiran isterinya itu. “Kan saya terpaksa pulang ke Seria pukul dua ni. Kalau tidak takkanlah saya nak lepas tangan.”

“Awak memang tak kisah hal anak bini awak.” Fatimah berkata sambil memalingkan mukanya ke kiri.

Mereka sudah sampai di kawasan Gadong yang sibuk. Kawasan yang digelar ‘Perindustrian Gadong’. Begitu pesat perkembangannya kawasan ini, fikir Fatimah. Sekarang sudah banyak bangunan-bangunan perniagaan terdiri di sana sini. Ditambah oleh jalan raya

yang agak sempit, tidak hairan kalau kawasan ini adalah di antara kawasan-kawasan yang sibuk di ibu negeri.

Marof hanya dapat memandu dalam kadar kelajuan dua puluh batu sejam. Hawa di dalam kereta membahang sekali. Ditambah dengan kemarahannya yang belum reda, Fatimah semakin merasa gelisah. Lama mereka diam. Sehingga mereka memasuki Jalan Kumbang Pasang.

"Kalau saya bermalam di sini malam ni, esok bagaimana saya nak balik ke Seria? Siti bekerja, tak mungkin dapat menghantar saya. Awak bolehkah menjemput saya besok?" Fatimah masih belum puas melahirkan isi hatinya.

"Saya kan bekerja juga esok!" Marof mengingatkan.

"Tengah hari ni pun awak bekerja juga. Kenapa fasal nak jadi hakim tenis awak boleh tinggalkan kerja; nak jemput bini tak boleh?"

Marof sengaja tidak mendengar sindiran isterinya itu.

"Habis macam mana nak balik besok?" Fatimah mengulang lagi.

"Suruh saja Siti hantarkan kau ke perhentian bas." Marof mencadangkan.

"Awak nak suruh saya pulang dengan bas?" Suara Fatimah meninggi dan terdapat kekagetan di nada suaranya. "Wah, kerana tenis awak sanggup suruh bini awak naik bas!"

Fatimah merasa dirinya terhina.

"Apa salahnya naik bas?" Marof cuba memujuk isterinya. "Dulu ketika kita belum mempunyai kereta, bas juga yang kita ikut kalau nak ke sana ke mari."

Marof mengingatkan.

"Itu dulu, bukan sekarang. Lagipun dulu tidak pernah saya naik bas dari bandar ke Seria seorang diri."

"Awak takut?" Marof tertawa. "Apakah nak ditakutkan, Mah, Brunei negeri yang paling selamat di dunia sebelah sini."

Marof tertawa lagi. Ketawanya itu menyakitkan hati isterinya. Fatimah sudah naik bosan lantas tidak mahu lagi mengeluarkan suaranya.

"Awak marah?" Suaminya mengusik. Tapi Fatimah pura-pura tidak mendengar.

"Awak tu semakin tua semakin pamarah," usik Marof lagi.

Fatimah tidak menyahut. Memang dia sudah pandai marah-marah kini. Dulu ketika muda-muda, dia telah puas bersabar. Dialah manusia yang paling penyabar. Tapi perangai suaminya tidak juga berubah-ubah. Suaminya tetap selalu keluar rumah. Tak pernah nak peduli hal-hal rumah tangga. Asyik sibuk dengan kegiatan-kegiatan di luar. Dari kaca mata orang luar memang Fatimah bertuah orangnya kerana mempunyai suami yang aktif dalam hal kesukanan; jaguh bermain badminton, hoki, juara perlawanan tenis sederhana, *refree* bola sepak yang handal dan macam-macam lagi. Tapi Fatimah tidak pernah teringinkan itu. Dia ingin suaminya seperti suami Si Limah di sebelah rumah tumpangan mereka. Suami yang menyenangkan batang-batang cangkul daripada batang-batang kayu hoki; suami yang lebih suka bertungkus lumus di kawasan tanah lapang di belakang rumahnya dari membuang masa di padang-padang permainan bola, suami yang tidak keberatan mendirikan pagar yang roboh; menyiangi kawasan belakang rumah mereka itu supaya dapat juga mereka bertanam sayur sedikit semacam. Dapat juga menjimat duit.

Ada juga hasilnya, fikir Fatimah.

Secara tidak sengaja ingatan Fatimah tentang tanah *TOL* yang baru mereka perolehi menerpa. Dia ingat bukan main susah untuk mendapatkan tanah seluas setengah ekar di Jalan Mumong itu. Mereka terpaksa menulis beberapa pucuk surat ke Pejabat Tanah; turun naik ke pejabat itu untuk diwawancara. Fatimah ingat juga, Siti yang sibuk menulis surat-surat itu, mengenangkan orang tuanya yang belum mempunyai sekeping tanah pun. Kini sudah dua bulan tanah itu dipinjamkan pada mereka. Sebatang kayu pun belum tumbang. Bila Fatimah mengingatkan kemungkinan tanah itu diambil semula jika dibiarkan semak begitu, Marof telah membisikkan rancangannya berkenaan dengan tanah tersebut. Pada mulanya Fatimah menyangka suaminya hanya bergurau tapi bila tidak lama kemudian Si Peter yang terkenal dengan tamaknya itu datang bertanyakan berkenaan tanah itu, bukan main meradanganya Fatimah terhadap suaminya. Hingga kini kalau diingat-ingatnya hal itu meluap-luap panas hatinya. Bertambah geram dia akan perangai suaminya.

"Nanti saya beritahu Siti." Dia pernah mengugut suaminya. Marof menjawab dia cuma ingin bersikap praktikal.